
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2012/2013

Januari 2013

SAU318 - Pelancongan dan Pembangunan Komuniti

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. **SATU (1)** soalan di Bahagian A dan **SATU (1)** soalan di Bahagian B.

Bahagian A adalah **WAJIB**.

BAHAGIAN A

1. Ian Fairweather (2002) pernah menyebut “*without culture there is no future*” (tanpa budaya tidak akan ada masa hadapan). Bincangkan bagaimana proses komodifikasi budaya untuk tujuan pelancongan boleh memberikan impak positif dan juga negatif kepada identiti dan warisan sesebuah komuniti hos.

[50 markah]

BAHAGIAN B

2. Program pelancongan *Homestay* amat berkait rapat dengan bentuk pelancongan berasaskan komuniti. Bincangkan bagaimana model berasaskan komuniti ini boleh diaplikasikan dalam membangunkan pelancongan *Homestay*. Bincangkan juga secara kritikal bagaimana konsep “*fictive kinship*” (persanakan fiktif) amat signifikan dalam program *Homestay* ini.

[50 markah]

3. Dengan menggunakan contoh bentuk pelancongan yang bersesuaian, bincangkan secara kritikal bagaimana konsep teoritikal atau model berasaskan analogi teater digunakan dalam teori-teori sosio-budaya pelancongan.

[50 markah]

4. Bincangkan bagaimana konsep tatapan pelancong (*tourist gaze*), proses pempakejan budaya (*packaging of cultures*) dan pementasan autentisiti (*staged authenticity*) digembleng untuk membentuk pelancongan komuniti asli (*indigenous tourism*).

[50 markah]

5. Apa itu maksud suci (*sacred*) mengikut Emile Durkheim? Bagaimanakah idea Van Gennep mengenai “*rites of passage*” berkait rapat dengan penjelasan Graburn (1977) bahawa aktiviti melancong itu juga merupakan satu bentuk perjalanan suci (*sacred journey*). Sila bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas dan berkaitan.

[50 markah]